

AKHBAR : HARIAN METRO

Berkat hati cekal

■ *Bekas asnaf LZS berjaya dalam perniagaan terima sijil penghargaan*

Iskandar Shah Mohamed
iskandar@hmetro.com.my

Shah Alam

“Saya sebelum ini pernah tidak menerima gaji selama tiga bulan dan perlu terus menyara lapan anak dengan bantuan isteri yang hanya menjual kuih-muih di tepi jalan.

"Namun, saya bersyukur mampu kembali bangkit dengan memperluaskan lagi perniagaan dan turut diberi peluang mendidik mereka yang ingin mencebur bidang itu," kata Sharifudin Meon, 52, yang bukan saja berjaya mengusahakan perniagaan roti dan kek, malah memiliki pusat latihan bakeri sendiri.

Semalam, dia antara tiga usahawan bekas asnaf Lembaag Zakat Selangor (LZS) yang dipilih menerima sijil penghargaan berikutnya kejayaan mereka dalam perniagaan masing-masing.

Menurut Sharifudin, dia mula berjinak-jinak meneruskan perniagaan kecil-kecilan isterinya sejak 2003 sebelum berjaya memiliki sebuah premis di Semenyih.

"Saya sebelum itu dibentangkan kerja selepas 13 tahun berkhidmat kerana syarikat mengalami masalah kewangan dan hidup susah



IBRAHIM (tengah) bersama usahawan asnaf, semalam.

dengan perlu menanggung semua anak berusia empat hingga 19 tahun.

"Bagi menyara kami sekeluarga, saya dan isteri menjual pisang goreng dan kuih. Pada 2006, kami kemudian mendapat kontrak membekalkan ribuan kuih di pusat latihan tentera dan memohon bantuan peralatan daripada LZS," katanya ketika ditemui pada program Transformasi Usahawan Asnaf (TUAS), di sini, semalam.

Selain 300 usahawan asnaf, majlis itu dihadiri Pe-

ngerusi Teraju Ekonomi Asnaf (TERAS) Datuk Ibrahim Md Yusof.

Sharifudin berkata, walaupun 'kontrak' itu hanya bertahan selama dua tahun kerana masalah kewangan, dia enggan berputus asa dan mempelbagaikan pembuatan kuih kepada roti serta kek pada 2008.

"Alhamdulillah, kesabaran dan kesungguhan saya bersama isteri membuatkan hasil apabila mendapat perenerimaan baik masyarakat setempat sehingga berupaya membuka kedai dan mem-

bekalkan roti kepada sekolah.

"Jika dulu pendapatan bulanan hanya RM1,300 namun kami kini turut memiliki pusat latihan bakeri dan mencebur bidang katering secara lebih meluas," katanya yang kini seorang pembayar zakat.

Sementara itu, Ibrahim berkata, TERAS menyasarkan seramai 150 asnaf mampu keluar daripada kepompong kemiskinan untuk menjadi usahawan berjaya menerusi paket bantuan ekonomi LZS tahun ini.

“Saya bersyukur mampu kembali bangkit dengan memperluaskan lagi perniagaan dan turut diberi peluang mendidik mereka yang ingin mencebur bidang itu

Sharifudin Meon

